



**TEKS UCAPAN
Y.B. DATO' SERI KONG CHO HA
MENTERI PENGANGKUTAN
SEMINAR PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB**

LEMBAGA PENGARAH DALAM PENGURUSAN

**BADAN BERKANUN ANJURAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DI HOTEL LE MERIDIEN, KL SENTRAL, KUALA LUMPUR**

31 MEI 2011

TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS,

**Y.BHG. DATO' LONG SEE WOOL
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN**

**YANG BERHORMAT DATUK SERI DR. CHUA SOI LEK
PENGERUSI
SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG**

**Y.BHG. TAN SRI DATO' HAJI MOHD ZUKI KAMALUDDIN
PENGERUSI
LEMBAGA PELABUHAN KUANTAN**

**Y.BHG. LAKSAMANA (B) TAN SRI DATO' SERI AHMAD RAMLI HAJI MOHD NOR
PENGERUSI
INSTITUT MARITIM MALAYSIA**

**Y.BHG. DATO' HAJI MOHD ZAKI DATO' HAJI YUSOFF
PENGERUSI
LEMBAGA PELABUHAN KEMAMAN**

**Y.BHG. DATO' DR. TEH KIM POO
PENGERUSI
LEMBAGA PELABUHAN KELANG**

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAZLAN NGAH
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU**

**YANG BERHORMAT DATO' SERAJA SETIA DATO' PADUKA WIRA HAJI RASLI
BASIR**
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KEDAH

Y.BHG. DATUK HAJI KAMARUZAMAN MOHD NOOR
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PERANCANGAN)
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Y.BHG. DATO' YAP KIN SIAN
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (OPERASI)
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

KETUA-KETUA JABATAN
PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KEMENTERIAN

Y. BHG. TAN SRI-TAN SRI, DATO'-DATO', DATIN-DATIN, TUAN-TUAN DAN
PUAN-PUAN

1. TERLEBIH DAHULU SAYA INGIN MENGUCAPKAN TERIMA KASIH
KEPADА PIHAK PENGANJUR KERANA MENJEMPUT SAYA HADIR DAN
SETERUSNYA MERASMIKAN SEMINAR PERANAN DAN TANGGUNG JAWAB
LEMBAGA PENGARAH DALAM PENGURUSAN BADAN BERKANUN
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN PADA PAGI INI. SAYA DIFAHAMKAN
TERDAPAT SEBANYAK 13 BADAN BERKANUN YANG TERLIBAT DALAM
MENJAYAKAN SEMINARINI.

2. SEBAGAIMANA YANG KITA SEDIA MAKLUM BAHAWA OBJEKTIF
KEMENTERIAN MENGADAKAN SEMINARINI ANTARA LAIN ADALAH
BERTUJUAN UNTUK MENGINGATKAN KITA DALAM MEMAHAMI TUGAS DAN
TANGGUNGJAWAB SESEORANG LEMBAGA PENGARAH DI SAMPING
MENINGKATKAN PENGETAHUAN TERHADAP HAK-HAK DAN PEMBATASAN
KUASA BERHUBUNG PENGENDALIAN MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH. DI
SAMPING ITU, SEMINARINI JUGA DIHARAP DAPAT MENINGKATKAN
KEFAHAMAN DAN PENGETAHUAN BERKAITAN UNDANG-UNDANG DAN
TADBIR URUS KORPORAT.

3. TANGGUNGJAWAB SESUATU LEMBAGA PENGARAH MEMANGLAH BERAT. IA BUKAN HANYA SEKADAR UNTUK MEMBUAT SESUATU KEPUTUSAN TETAPI UNTUK MEMASTIKAN BAHAWA KEPUTUSAN YANG DIAMBIL ADALAH SATU KEPUTUSAN YANG TEPAT DAN BETUL SEBELUM IA UNTUK DILAKSANAKAN. DALAM MENENTUKAN KEPUTUSAN SESUATU PERKARA, IA MESTILAH DIPERHALUSI BERKALI-KALI SEBELUM DIPERSETUJUI DI PERINGKAT LEMBAGA PENGARAH DAN BAGI MELAKSANAKAN SESUATU KEPUTUSAN IA MESTILAH MENGIKUT SALURAN UNDANG-UNDANG, PROSEDUR DAN TATACARA YANG TELAH DITETAPKAN.

4. BAGI MENGELAKKAN SEBARANG KEKELIRUAN SERTA KEJADIAN YANG TIDAK DIINGINI EKORAN DARI KEPUTUSAN YANG DIBUAT TANPA MENGAMBIL KIRA APA YANG TELAH TERMAKTUB DALAM UNDANG-UNDANG DAN PROSEDUR YANG BETUL, MAKA KITA HARUS BERHATI-HATI SEBELUM MEMBUAT KEPUTUSAN KERANA KITA MAHU DILABEL SEBAGAI JENTERA PENGURUSAN YANG TIDAK CEKAP, TIDAK AMANAH, TIDAK JUJUR DAN TIDAK BERETIKA. SEMUA INI AKAN MEMBERI KESAN KEPADA NAMA BAIK ORGANISASI DAN JUGA KERAJAAN. KITA JUGA TIDAK BOLEH MEMANDANG REMEH KEPADA PROSEDUR DAN UNDANG-UNDANG KEWANGAN SEBALIKNYA IA PERLU DIPATUHI PADA SETIAP MASA. WALAUPUN KADANGKALA PROSEDUR DAN UNDANG-UNDANGINI DILIHAT MENYEKAT PELAKSANAAN DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN, NAMUN SELAGI IANYA MENGIKUT PROSEDUR, MAKA SEGALA APA YANG KITA LAKSANAKAN AKAN MENJADI LEBIH TERATUR DAN SELAMAT.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

5. SAYA INGIN MENYERU KEPADA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN AGAR DAPAT MEMBERI FOKUS DAN TUMPUAN KEPADA SETIAP APA YANG INGIN KITA LAKSANAKAN ITU HARUSLAH BERASASKAN KEPADA KEPENTINGAN RAKYAT DAN NEGARA.INI ADALAH KERANA SEGALA KEPUTUSAN YANG KITA BUAT HARUSLAH DILIHAT DARI PERSPEKTIF YANG LEBIH LUAS.

INI TERMASUKLAH USAHA KERAJAAN MELAKSANAKAN PELBAGAI INISIATIF SEPERTI MEWUJUDKAN PELAN TRANSFORMASI KERAJAAN (GTP) PELAN TRANSFORMASI EKONOMI DAN MODEL EKONOMI BARU BAGI MENJADIKAN MALAYSIA SEBUAH NEGARA YANG BERPENDAPATAN TINGGI MENJELANG TAHUN 2020. SEMUA PERANCANGAN YANG DIBUAT OLEH KERAJAANINI TELAH MENGAMBIL KIRA AKAN KEPENTINGAN SEMUA PIHAK. KITA HARUSLAH BERTANGGUNG JAWAB BAGI MEMASTIKAN USAHA TERSEBUT MENCAPI KEJAYAAN SEPERTI YANG TELAH DIRANCANG. JUSTERU KITA PERLU MEMAINKAN PERANAN YANG SEWAJARNYA AGAR SETIAP USAHA YANG DILAKUKAN AKAN MENCAPI KEJAYAAN.

6. KESAN GLOBALISASI DAN LIBERALISASI YANG BERLAKU DI NEGARA ASEAN KINI MEMPERLIHATKAN PERSAINGAN YANG BEGITU SENGIT DAN HEBAT. KITA PERLU MELIPATGANDAKAN USAHA BAGI MELAKUKAN PERUBAHAN, SELARAS DENGAN PEKEMBANGAN ZAMAN DAN PEREDARAN WAKTU. SETIAP KEPUTUSAN DAN TINDAKAN YANG KITA LAKUKAN HARUSLAH SEIRING DENGAN PEMBUDAYAAN INOVASI.

7. SEPERTI YANG KITA SEMUA SEDIA MAKLUM, YAB. DATO' SERI MOHD NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK, PERDANA MENTERI KITA TELAH MENGADAKAN LAWATAN BAGI MEMPROMOSI MALAYSIA MELALUI KEMPEN INVEST MALAYSIA NEW YORK 2011. SELAIN MENJAYAKAN PROGRAM

TRANSFORMASI EKONOMI DENGAN MENARIK PELABURAN ASING KE MALAYSIA BELIAU JUGA TELAH BERJAYA MENARIK MINAT LEBIH 350 BROKER, AHLI PERBANKAN, SYARIKAT-SYARIKAT MULTINASIONAL AMERIKA SYARIKAT DAN PENGURUS-PENGURUS DANA UNTUK HADIR BAGI MENDENGAR UCAPAN BELIAU PADA MAJLIS KEMPEN TERSEBUT. SEMUAINI DILAKUKAN DENGAN NIAT UNTUK MENARIK PELABUR-PELABUR AMERIKA UNTUK MELABUR KE NEGARAINI.

8. TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SELAKU PENTADBIR DAN PENGURUS JUGA HARUSLAH MEMAINKAN PERANAN YANG SAMA MALAH LEBIH BAIK DARIPADA ITU. DALAM MASA YANG SAMA JUGA KITA PERLU MEMASTIKAN SEGALA TADBIR URUSINI TIDAK DICEMARI DENGAN AMALAN RASUAH, PECAH AMANAH, PENIPUAN DAN SEBAGAINYA. SEMUANYAINI AKAN MENYEBABKAN PELABUR TIDAK YAKIN DAN AKAN BERALIH ARAH KE NEGARA-NEGARA LAIN DAN KAEDAANINI AKAN MERUGIKAN RAKYAT DAN JUGA NEGARA.

HADIRIN YANG DIHORMATI SEKELIAN,

9. AMALAN TADBIR URUS YANG NEGATIF TERMASUK SALAH GUNA KUASA, SALAH LAKU DAN SEBAGAINYA TIDAK SEHARUSNYA BERLAKUDALAM PENTADBIRAN SESUATU LEMBAGA PENGARAH. MESKIPUN KITA TIDAK LAGI MEMEGANG SEBARANG JAWATAN DI DALAM LEMBAGA PENGARAH, NAMUN KITA MASIH BOLEH DIKENAKAN TINDAKAN ATAS KESALAHAN YANG PERNAH KITA LAKUKAN SEBELUMINI.

PIHAK KEMENTERIAN TIDAK AKAN BERKOMPROMI DALAM PERKARAINI. SEKIRANYAINI BERLAKU PIHAK TERBABIT BOLEH DIDAKWA OLEHSURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA.

10. SAYA INGIN MENGINGATKAN AGAR TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SENTIASA PEKA AKAN TANGGUNG JAWAB YANG TELAH DIAMANAHKAN AGAR PERKARA-PERKARA SEPERTIINI DAPAT DIELAKKAN.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

11. KENAIKAN HARGA MINYAK DUNIA TURUT MEMBERI IMPLIKASI KEPADA HARGA MINYAK DI NEGARAINI. NAMUN DISEBABKAN KERAJAAN AMAT PRIHATIN DAN SENTIASA MENDENGAR RINTIHAN RAKYAT, MAKA KERAJAAN TELAH BERSETUJU UNTUK TIDAK MENAIKKAN HARGA MINYAK. MESKIPUN, KERAJAAN TERPAKSA MENANGGUNG SUBSIDI YANG SEMAKIN MENINGKAT BAGI MENGURANGKAN BEBAN PENGGUNA.

12. DEMIKIAN JUGA HALNYA DALAM PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN BADAN BERKANUN. SYUGIA DIINGATKAN, SETIAP KEPUTUSAN YANG DIBUAT AKAN MELIBATKAN PENGGUNAAN WANG RAKYAT. SUNGUHPUN TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN MEMPUNYAI KUASA MEMBUAT KEPUTUSAN DALAM LEMBAGA, NAMUN JANGANLAH KITA LUPA BAHAWA RAKYAT SEMAKIN BIJAK DAN PINTAR DALAM MENILAI SESUATU DASAR YANG DILAKSANAKAN. MEREKA BOLEH MEMPEROLEHI MAKLUMAT DARI PELBAGAI SUMBER. JIKA KITA TERSILAP LANGKAH MAKA IA BOLEH MENGUNDANG PADAH DAN MEMBERI KESAN YANG BURUK KEPADA ORGANISASI DAN JUGA KERAJAAN.

13. KEPUTUSAN YANG BIJAK DAN TEPAT PASTINYA AKAN MENGUNTUNGKAN SEMUA PIHK. PEMBAZIRAN MASA DAN TENAGAPERLU DIELAKKAN. DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN, UNSUR-UNSUR KREATIF DAN INOVATIF JUGA WAJAR DIAMBIL KIRA. SEBALIKNYA JIKA IDEA KREATIFINI MAMPU MENGHASILKAN NATIJAH YANG BAIK, MAKA SUDAH TENTULAH IA

JUGA AKAN MEMBERIKAN KESENANGAN KEPADA RAKYAT DAN KEMAKMURAN KEPADA NEGARA.

14. KEJAYAAN SESEBUAH ORGANISASI BUKAN HANYA TERLETAK DIBAHU LEMBAGA PENGARAH SAHAJA, MALAH PERANAN KAKITANGAN YANG LAIN JUGA HARUS DIAMBIL KIRA. DALAM MELAKSANAKAN SESUATU KEPUTUSAN, PERLU JUGA ADA *CHECK AND BALANCE*.INI BERMAKNA PIHAK PENTADBIRAN SYARIKAT JUGA HARUS TAHU AKAN SEGALA PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG DAN TIDAK HANYA MELAKSANAKANNYA TANPA USUL PERIKSA. DENGAN CARA INI BARULAH KITA DAPAT MEWUJUDKAN SATU *TEAM WORK* YANG MANTAP DAN BERKESAN.

15. SAYA BERHARAP AGAR SEMINAR PADA HARI INI AKAN DAPAT MENJADI LANDASAN DAN PERINGATAN YANG BERGUNA SERTA BERFAEDAH KHUSUSNYA KEPADA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SELAKU AHLI LEMBAGA PENGARAH, UNTUK MENJADIKANNYA SEBAGAI SATU *REFRESHING COURSE*. DENGAN KATA-KATAINI, SAYA DENGAN SUKACITANYA MERASMIKAN SEMINAR PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH DALAM PENGURUSAN BADAN BERKANUN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN.

SEKIAN TERIMA KASIH.